

03/05/1997

Kerjasama dua hala wujud dimensi baru

BLANTYRE (Malawi), Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerjasama antara sektor swasta di dua negara berasingan mewujudkan dimensi, dinamika dan momentum baru kepada perhubungan dua hala.

Berasaskan pengalaman Malaysia, kata Perdana Menteri, kerjasama seperti itu membuka ruang dan peluang yang tidak mudah dirancang serta dilaksanakan oleh kerajaan.

"Usaha sama seperti ini boleh direalisasikan menerusi rangkaian kerjasama sektor swasta Malawi dan Malaysia. Sudah tentu sokongan dan galakan daripada kerajaan perlu," katanya di majlis makan malam anjuran Presiden Malawi, Dr Bakili Muluzi sempena lawatan beliau ke republik ini.

Dr Mahathir berkata, kehadiran delegasi Malaysia yang dianggotai wakil sektor swasta adalah untuk menggalakkan rangkaian kerjasama dengan sektor swasta Malawi.

Menurutnya, hubungan perdagangan Malawi dan Malaysia adalah kecil tetapi ia mula menunjukkan peningkatan, iaitu bertambah 3.5 peratus setahun dari 1992 hingga 1996.

Tahun lalu, perdagangan kedua-dua negara mencapai AS\$1 juta (RM2.5 juta) berbanding hanya AS\$720,000 (RM1.8 juta) lima tahun lalu. Dalam tempoh itu, eksport Malaysia ke Malawi bertambah pada kadar empat peratus setahun untuk mencapai AS\$440,000 (RM1.1 juta) pada 1996, manakala import Malaysia dari Malawi ialah AS\$560,000 (RM 1.4 juta) tahun lalu.

Kira-kira 94 peratus import Malaysia dari Malawi adalah sayur-sayuran segar, yang dibekukan atau yang sudah diawet.

Perdana Menteri berkata, Dasar Penswastaan Malaysia mengutamakan hubungan perdagangan yang harmoni tetapi tegas dan berbaik-baik antara sektor swasta dan sektor awam.

"Sebelum ini, tidak ramai orang tahu mengenai Malawi tetapi Telekom Malaysia memperkenalkan negara ini kepada kebanyakan rakyat Malaysia. Saya percaya dengan bahasa Inggeris digunakan secara meluas dan keinginan rakyat Malaysia dan Malawi untuk maju dari segi ekonomi, peluang untuk menjalin kerjasama adalah cerah.

"Di peringkat kerajaan, Malaysia berusaha untuk menawarkan pelbagai mekanisme untuk berkongsi pengetahuan, teknologi dan kemahiran dengan negara-negara di Selatan," katanya.

(END)